

PERIBAHASA/SIMPULAN BAHASA YANG JARANG DIDENGARI

Sumber: Akaun Instagram dan Twitter Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) @dbpmalaysia

PERIBAHASA/SIMPULAN BAHASA	MAKSUD
Meletup di sana, di sini bunyinya	Orang lain yang bersalah, orang lain pula yang menanggung akibatnya.
Seperti hendak meluruskan ekor beruk	Sukar menasihati orang yang degil.
Api padam puntung berasap	Perkara yang telah selesai tetapi ditimbulkan kembali.
Selama enggang meneram	Lama benar. Contoh ayat: Najmi telah keletihan menunggu isterinya yang pergi membeli-belah <i>selama enggang meneram</i> .
Belum terbang lalat	Waktu pagi yang awal. Contoh ayat: <i>Belum terbang lalat</i> , Mimi memulakan perjalanan agar tidak terperangkap dalam kesesakan jalan raya.
Baling-baling di atas bukit	Pendirian yang tidak tetap Contoh ayat: Penyokong-penyokong parti itu <i>bagai baling-baling di atas bukit</i> , tidak boleh dipercayai kerana mudah terpengaruh dengan pihak lawan.
Sepak kertas	Tiada pekerjaan. Contoh ayat: Sudah dua bulan Ali <i>sepak kertas</i> selepas syarikat tempatnya bekerja ditutup.
Ketawa raja	Ketawa tetapi dalam kesedihan. Contoh ayat: Amar <i>ketawa raja</i> di hadapan tetamu untuk menyembunyikan kesedihan yang sedang dialaminya.
Air mata jatuh ke perut	Berduka cita dalam diam. Contoh ayat: Walaupun kelihatan seperti mempunyai kesihatan mental yang baik, ada penghidap kemurungan tersembunyi merahsiakan kesedihan mereka <i>umpama air jatuh ke perut</i> .
Seperti polong kena sembur	Berlari pantas kerana ketakutan. Contoh ayat: Syadiha berlari <i>seperti polong kena sembur</i> apabila dikejar oleh anjing liar.
Menguningkan kunyit sendiri	Memuji diri sendiri

Tak kuning oleh kunyit, tak putih oleh kapur	Tak mudah dihasuti atau dipuji; keras hati
Terpecah peluh di muka	Sangat malu.
Bagai ayam mabuk tahi	Pucat lesi dan tidak berdaya *kerana sakit dan kurang darah.
Hitam-hitam gula Jawa	Biarpun hitam tetapi manis.
Bagai air titik ke batu	Kesukaran memberi pengajaran kepada orang lain. Contoh ayat: Daud sudah berkali-kali menasihati Salim agar mematuhi peraturan yang telah ditetapkan di asrama namun nasihat Daud <i>bagai air titik ke batu</i> kerana tidak diendahkan oleh Salim.
Bagai buntal kembang	Sombong. Contoh ayat: Mak Cik Hannah yang <i>bagai buntal kembang</i> itu sering berpakaian gaya anak remaja.
Golok kayu	Orang bodoh yang berlagak pandai. Contoh ayat: Dia seperti <i>golok kayu</i> , kononnya dia tahu segala-galanya tentang perkembangan politik negara.
Berani lalat	Pura-pura berani. Contoh ayat: Haziq <i>berani lalat</i> sahaja apabila mengaku akan menjaga dusun durian pada waktu malam.
Bagai belacan dikerat dua: yang pergi busuk, yang tinggal hanyir	Perkara yang mendatangkan aib kepada kedua-dua belah pihak.
Cerita burung	Berita yang tidak berasas. Contoh ayat: Jangan percaya dengan berita yang dikhabarkan oleh Adriana kerana itu semua <i>cerita burung</i> belaka.
Mata petai	Tidak dapat melihat dengan betul. Contoh ayat: Oleh sebab Sivhen <i>mata petai</i> , permohonannya untuk menjadi tentera ditolak.
Berpindah ke balik papan	Meninggal dunia.
Tua-tua terung masam	Orang tua yang berperangai muda. Contoh ayat: Pak Rahmat bersikap <i>seperti tua-tua terung masam</i> , walaupun sudah tua dia masih suka ke kelab dangdut.
Bagai belut diregang	Tinggi dan kurus.
Hendak mendapat pisang terkupas	Inginkan kesenangan tetapi malas berusaha.
Pasang pelita dilanggar tikus	Kegembiraan hilang disebabkan oleh satu perkara kecil
Karam berdua, basah seorang	Dua orang berbuat salah, seorang sahaja yang dikenakan hukuman.

Rupa harimau hati tikus	Rupa sahaja yang hebat dan garang, tetapi pengecut. Contoh ayat: Liyana kelihatan hebat tetapi pengecut <i>seperti rupa harimau hati tikus</i> .
Kuat lilit kerana simpulnya	Kekuatan kumpulan terletak pada ahlinya yang bersatu-padu
Kayu buruk yang tiada bercendawan, lumut tumbuh	Orang yang sudah tua sangat mudah dihinggapai penyakit
Cakap berlauk-lauk makan dengan sambal lada	Cakapnya seperti orang kaya padahal miskin
Agih-agih kungkang	Terlalu memberi kepada orang lain sehingga menyusahkan diri sendiri.
Kelapa muda tak berminyak	Orang muda yang belum ada pengalaman.
Tidak tentu titik komanya	Perkataan yang tidak tentu hujung pangkalnya. Contoh ayat: Ahli mesyuarat tersebut terpinga-pinga kerana tidak memahami butiran percakapan pengerusi mesyuarat yang <i>tidak tentu titik komanya</i> .
Direndam tidak basah	Sukar dikalahkan. Contoh ayat: Chelsea yang handal itu <i>ibarat direndam tidak basah</i> , terlalu sukar dikalahkan.
Bagai si kudung mendapat cincin	Seseorang yang mendapat keuntungan tetapi tidak dapat menikmati. Contoh ayat: Anita <i>bagai si kudung mendapat cincin</i> , ada komputer tetapi malangnya kawasan perumahannya belum ada bekalan elektrik.
Buruk perut	Kuat makan. Contoh ayat: Orang yang <i>buruk perut</i> mudah mendapat penyakit.
Senyum-senyum siput	Senyum sikit-sikit. Contoh ayat: Nurul Ain <i>senyum-senyum siput</i> dan tersipu-sipu malu apabila dipuji oleh Mak Leha.